

# Lawatan Anwar perkukuh ikatan serumpun Malaysia-Indonesia

BH - 11/11/2023 m/s: 12

● Malaysia akan mencari jalan terbaik untuk memastikan pembangunan ibu negara baharu Indonesia, Nusantara, di Kalimantan dapat memberi manfaat kepada wilayah ekonomi di Sabah dan Sarawak

● Keberadaan Anwar di Indonesia tidak hanya disambut elit politik tetapi rakyat di bawah. Rata-rata rakyat Indonesia menyambut baik pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain  
bhrencana@bh.com.my

Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Indonesia menjadi perhatian pelbagai pihak di kedua-dua buah negara. Memandangkan lawatan ini kunjungan pertama Anwar ke luar negara selepas dilantik perdana menteri akhir tahun lalu, ia dilihat suatu hal sangat penting terutama hubungan Malaysia dan Indonesia yang panjang serta mempunyai sejarah tersendiri.

Ketika negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Indonesia menjadi negara

berdaulat apabila merdeka pada 17 Ogos 1945. Pada 1955, Indonesia menjadi perhatian dunia apabila dipilih sebagai tuan rumah Konferensi Asia Afrika di Bandung, dihadiri hampir 30 pemimpin dunia termasuk dari Turki, India dan Jepun.

Pada dekad 70-an, iaitu era awal pembangunan negara, Indonesia membantu Malaysia terutama dalam aspek pendidikan. Guru Indonesia dihantar menjadi tenaga pengajar untuk subjek Matematik, Fizik, Biologi dan Kimia di sini. Selepas beberapa dekad, Indonesia menjadi negara pembekal utama tenaga kerja di Malaysia terutama dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan.

Malaysia juga sangat penting kepada pertumbuhan ekonomi Indonesia. Dalam konteks pelancongan, Indonesia menerima pelancong paling ramai dari Malaysia. Pada 2019, iaitu sebelum pandemik COVID-19 melanda, kira-kira 2.9 juta pelancong Malaysia berkunjung ke Indonesia. Tidak dinafikan, Indonesia menjadi pilihan utama pelancong Malaysia kerana faktor budaya dan mata wang.

Di Indonesia, pelancong Malaysia boleh menjadi 'jutawan'. Kunjungan penulis ke Jakarta hujung tahun lalu menyaksikan ramai pelancong Malaysia mengambil peluang bercuti dan menyambut tahun baharu di ibu kota negara jiran ini.

Permulaan tahun baharu 2023, Anwar mengorak langkah dengan melakukan lawatan rasmi sulung ke luar negara dan Indonesia menjadi negara pertama kunjungan beliau. Ketika sesi lawatan

Anwar ke Indonesia, pertemuan beliau dengan Presiden Joko Widodo atau lebih mesra dengan panggilan Jokowi khususnya dianggap penting kerana ia dapat memperkukuhkan lagi hubungan dua hala, terutama dalam aspek ekonomi dan sosial yang turut membabitkan isu kritikal seperti tenaga kerja dan persempadanan.

Pada sidang medianya, Anwar berkata pengurusan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) di Malaysia akan dikendalikan dengan lebih berkesan melalui kaedah digital tanpa banyak kerenah birokrasi pada masa akan datang. Selain itu, pembukaan ibu kota Indonesia baharu di Nusantara sudah tentu akan memberi impak kepada negara jiran.

Anwar berkata Malaysia akan mencari jalan terbaik untuk memastikan pembangunan ibu negara baharu Indonesia, Nusantara di Kalimantan dapat memberi manfaat kepada wilayah ekonomi di Sabah dan Sarawak. Lebih menarik, Malaysia sudi berkongsi pengalaman membangunkan Putrajaya untuk Nusantara.

## Komitmen banteras rasuah tarik pelabur

Selain itu, komitmen Anwar mahu membanteras rasuah dan salah guna kuasa diharap dapat memberi keyakinan pelabur Indonesia melabur di Malaysia, selain memudahkan urusan perniagaan Malaysia di Indonesia. Sewaktu menyampaikan syarahan umum, Anwar menegaskan kepentingan seorang pemimpin sentiasa merendah diri serta mempunyai nilai dan akhlak bagi menampilkan kepemimpinan berkesan kepada kehidupan rakyat.

Perkongsian beliau mengenai kehidupan peribadi dengan memetik buku dan karya agung dibacanya sangat mempesonakan. Anwar yang baru sahaja dilantik sebagai perdana menteri mempunyai tempoh lima tahun perkhidmatan sebelum pilihan raya umum akan datang. Berbanding Jokowi, beliau hanya mempunyai masa lebih kurang setahun sebelum Pemilihan Presiden (PILPRES) 2024.

Justeru, 2023 adalah tahun kritikal bagi Jokowi dalam meneruskan saki-baki usaha memajukan Indonesia. Pertemuan Anwar dengan Jokowi boleh dilihat menjadi suatu sokongan penting Anwar kepada usaha Jokowi memacu pertumbuhan

ekonomi Indonesia sehinggalah pengganti Jokowi dikenal pasti dalam PILPRES 2024 nanti.

Keberadaan Anwar di Indonesia tidak hanya disambut elit politik tetapi rakyat di bawah. Rata-rata rakyat Indonesia menyambut baik pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri Malaysia. Malah beliau sangat popular khususnya mereka yang mengikuti perkembangan politik di Malaysia.

Ketika beliau baru dilantik sebagai perdana menteri akhir tahun lalu, klip video pemimpin Indonesia memperihalkan Anwar menjadi tular. Antaranya adalah mantan Presiden Indonesia, Almarhum BJ Habibie yang dekat dengan Anwar ketika hayatnya. Anwar seringkali disamakan dengan sosok Allahyarham sebagai pemimpin komited memperjuangkan reformasi di negara masing-masing.

Perjalanan politik Anwar juga selalu dikaitkan dengan kemudi politik Indonesia. Gerakan reformasi dipimpin Anwar selepas dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1998 dikatakan mirip perjuangan reformasi di Indonesia sehingga presiden ketika itu, Soeharto digulingkan.

Lawatan Anwar ke Indonesia ini seharusnya dapat meneroka ruang dan peluang besar kepada kerjasama dua negara memperjuangkan isu kritikal seperti pendidikan dan kesihatan awam yang semakin meruncing dalam kehidupan masyarakat pasca pandemik.

## Titik satukan dua negara

Dalam hal ini, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seharusnya menjadi titik menyatukan dua negara bersandarkan kepintaran memperbaiki taraf kehidupan rakyat, menjamin kelestarian dan memperkukuh institusi demokrasi.

Selain itu, dinamika politik dan demokrasi di Indonesia wajar diteladani Malaysia khususnya mendepani arus perubahan politik lebih merumitkan pada masa akan datang. Meskipun Indonesia mengamalkan demokrasi berpresiden, prinsip dan asas demokrasi termasuk hak asasi manusia harus dihormati kedua-dua negara bagi menjamin kestabilan serantau.

Pada masa sama, aspek pendidikan tinggi juga wajar diberikan perhatian dalam hubungan Malaysia dan Indonesia. Pendidikan tinggi sewajarnya menjadi kuasa tambatan hati atau 'soft power' dapat mempereratkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Hal ini dapat dilaksanakan melalui penghasilan bakat dan penyelidikan.

Selain itu, institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia dan Indonesia sangat komited dalam usaha membudayakan amalan kelestarian hijau. Sebagai contoh dalam ranking UI-Greenmetrix, iaitu satu usaha penarafan mengangkat usaha kelestarian dan kampus hijau diterajui Universitas Indonesia (UI), IPT di Malaysia mendapat kedudukan yang baik.

Universiti Putra Malaysia (UPM) misalnya berkedudukan ke-25 terbaik di dunia, selain dinobatkan sebagai IPT paling lestari di Malaysia selama 13 tahun berturut-turut. Secara tuntasnya, lawatan Anwar ke Indonesia diharap dapat terus memperkukuhkan lagi ikatan serumpun atas semangat persaudaraan dan rakan yang tinggi.

Seperti pengakuan Anwar, Indonesia adalah sahabat sejatinya, begitulah semoga ia berkekalan selama-lamanya buat hubungan dua negara, Malaysia dan Indonesia.



Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

